

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]

SOALAN NO. 485

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan pembinaan SK Serumbu, Bau yang telah dicadangan dan bila ia akan dilaksanakan. Adakah juga pihak Kementerian Pendidikan bercadangan untuk membina satu lagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Kawasan Puncak Borneo, memandangkan kebanyakan sekolah-sekolah di dalam kawasan Puncak Borneo amat sesak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak sedang dalam proses kajian bagi mengenal pasti keperluan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puncak Borneo. Sekiranya terdapat keperluan, hasil kajian akan digunakan untuk sokongan bagi cadangan pembinaan SMK Puncak Borneo dalam Rancangan Malaysia (RM) seterusnya. Walau bagaimanapun, KPM telah meluluskan permohonan bagi projek pembinaan tambahan 12 bilik darjah, ubah suai naik taraf asrama dan kemudahan lain di SMK Padawan dalam projek RMKe-11 *rolling plan* 4 bagi menampung keperluan pertambahan murid di sekolah menengah tersebut. Status semasa projek tersebut ialah masih dalam peringkat perancangan.